

**TEKS UCAPAN**  
**YB TUAN BARU BIAN**  
**MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**  
**PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA BAGI**  
**BULAN SEPTEMBER 2018**

**27 SEPTEMBER 2018**  
**(KHAMIS)**  
**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**  
**KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir,  
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Akob,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha,  
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid,  
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
(CIDB)

YBhg. Dato Sr. Aziz Bin Abdullah,  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Selamat Sejahtera dan Selamat Pagi,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kerana pada pagi ini kita semua dapat berhimpun bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya (KKR), dimana majlis ini merupakan perhimpunan julung kalinya untuk saya selaku Menteri Kerja Raya

menyampaikan amanat kepada seluruh Warga Kerja Raya yang saya hormati.

2. YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad telah memberi mandat kepada saya bersama-sama dengan YB Timbalan Menteri untuk menerajui KKR menjalankan tugas berdasarkan amanah rakyat dan bersandarkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Saya memahami bahawa Kementerian Kerja Raya mempunyai tanggungjawab yang berat dimana tuntutan rakyat terhadap kesempurnaan dan kelengkapan prasarana dan infrastruktur asas, adalah keutamaan kita.
3. Justeru, kesepakatan dan kesempurnaan bekerja berkumpulan (*team work*) dalam Kementerian ini adalah sangat diharapkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan diri saya sendiri dan warga kerja Kementerian dan agensi di bawahnya untuk bersama-sama bekerja keras ke arah mencapai matlamat kita bersama, iaitu membangunkan infrastruktur negara mengikut piawaian yang ditetapkan dan berpandukan visi dan misi Kementerian dengan berlandaskan integriti yang tinggi.
4. Sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya setiap penjawat awam dapat menghayati bahawa setiap perintah, tugasan dan tanggungjawab merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya, maka Kerajaan bersetuju supaya frasa “SAYA YANG MENURUT PERINTAH” diganti dengan frasa “SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH”. Arahan ini telah berkuatkuasa bermula 20 September 2018 melalui pindaan perenggan 6.4(g), Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007. Saya amat berharap seluruh warga Kerja Raya

dapat memahami sebaiknya konteks frasa baharu ini dan menterjemahkannya dalam urusan harian.

Hadirin yang dihormati sekalin,

### **INPUT KPI (PENCAPAIAN SETENGAH TAHUN)**

5. Pelaksanaan Petunjuk Pestasi Utama (KPI) Kementerian telah mencapai sasaran sebanyak 62% sehingga Jun 2018 dan kajian semula pertengahan tahun 2018 telah dibuat ke atas sasaran-sasaran KPI yang berada di tahap rendah dengan mempergiatkan usaha serta menambahbaik pelan tindakan yang sedia ada. Meskipun peratusan tersebut adalah pengukur pencapaian setengah tahun namun usaha-usaha penambahbaikan perlu diteruskan agar pelaksanaan KPI benar-benar memenuhi ekspektasi pelanggan dan pihak yang berkepentingan.

6. Saya ingin menjelaskan bahawa, negara kini berhadapan fenomena globalisasi dan cabaran baharu dalam bentuk permintaan dan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat dan menuntut ketangkasan bertindak dan keberhasilan yang nyata. Oleh itu, kita tiada pilihan melainkan mengubah aspek-aspek kerja ke arah yang lebih dinamik dan menjurus kepada produktiviti demi mencapai kepuasan pelanggan. Bahkan elemen pembudayaan Petunjuk Prestasi (KPI) yang dilaksanakan di semua Kementerian merupakan cerminan bahawa Perkhidmatan Awam kini telah menjadikannya sebagai kriteria utama dalam penilaian sesuatu perkhidmatan berimpak tinggi demi kesejahteraan rakyat.

## **DASAR TENDER TERBUKA**

7. Adalah menjadi aspirasi kerajaan agar setiap sen wang rakyat dibelanjakan dengan baik. Saya berharap agar kementerian bersama-sama agensinya menambahbaik sistem perolehan dan tender dengan menggunakan sistem tender terbuka secara meluas. Ini pastinya boleh meningkatkan ketelusan dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan dan memastikan wang rakyat dibelanjakan secara bertanggungjawab dan secara optimum.
8. Kementerian juga perlu meneguhkan fungsinya untuk membina infrastruktur yang baik bagi meningkatkan taraf hidup. Keutamaan akan diberikan kepada projek-projek yang benar-benar diperlukan. Kerajaan komited untuk melaksanakan projek-projek dengan cekap, telus dan bertanggungjawab dalam semua urusannya dengan mematuhi pekeliling yang sedia ada mengenai perolehan, untuk memastikan ia lebih berdaya saing dan dengan itu produktiviti menjadi lebih baik daripada apa yang telah kita capai.
9. Dalam hal ini juga, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kewangan sedang melaksanakan kajian keperluan **Sistem Perolehan Dalam Talian untuk Kerajaan Malaysia**. Ini termasuk pelaksanaan skop tambahan bagi modul-modul yang berkaitan, seperti **Modul Perancangan Belanjawan**, **Modul Perolehan**, **Modul Pengurusan Projek**, **Modul Pengurusan Fasiliti** dan **Modul Perunding Fizikal**. Kajian ini diharapkan dapat diselesaikan dalam tempoh 3 bulan hingga November 2018.

## **PEMANTAPAN INDUSTRI PEMBINAAN**

10. Dalam merealisasikan Pelan Transformasi Industri Pembinaan (CITP) tahun 2016-2020 berhubung pengantarabangsaan industri pembinaan Malaysia, Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan komitmen-komitmen yang telah digariskan oleh Badan-badan Serantau mahupun Antarabangsa di dalam sektor pembinaan, dipatuhi oleh Malaysia.

11. Sehubungan itu, Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat ke-20 ASEAN *Task Force Building and Construction* (TFBC) yang diadakan pada 18-20 September 2018 bertujuan untuk membincangkan mengenai deraf *Mutual Recognition Arrangement* (MRA) bagi barang pembinaan. Usaha ini adalah bagi mengharmonikan standard-standard bahan binaan di kalangan negara anggota ASEAN dan menghapuskan halangan teknikal kepada perdagangan bagi produk-produk bahan binaan. Penglibatan Malaysia akan dikenali di peringkat ASEAN sebagai badan yang aktif menjalankan aktiviti pematuhan standard dan sekaligus meningkatkan profil negara di peringkat antarabangsa.

12. Selain itu, Kementerian juga telah menganjurkan seminar Pengurusan Aset Jalan dan Pengurangan Risiko Bencana bersama *Ministry of Land, Transport, Infrastructure & Tourism* (MLIT), Jepun pada 28 Ogos 2018 yang lalu. Penganjuran seminar ini adalah untuk menyediakan satu *platform* bagi perkongsian maklumat serta meningkatkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi yang digunakan dalam pengurusan jalan persekutuan di Jepun.

13. Peranan para pemain industri pembinaan di dalam negara pula terus memberikan impak yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi. Justeru, bagi mengiktiraf individu dan organisasi yang menunjukkan kecemerlangan dalam sektor pembinaan, CIDB Malaysia akan menganjurkan Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2018 pada esok, 28 September 2018. MCIEA merupakan anugerah berprestij tahunan industri pembinaan. Antara kategori yang dipertandingkan pada MCIEA kali ini ialah Kontraktor Terbaik, Projek Terbaik, Pencapaian Antarabangsa, Keselamatan dan Kesihatan, anugerah IBS, Inovasi, Jurubina Terbaik dan anugerah individu. MCIEA kali ini memperkenalkan dua anugerah baharu iaitu Anugerah Sistem Penilaian Kualiti untuk Pembinaan Bangunan (QLASSIC) dan Anugerah Bangunan Hijau yang dikhaskan untuk projek bangunan sahaja. Kesemua penyertaan MCIEA 2018 ini dinilai oleh juri profesional yang dilantik menganggotai jawatankuasa penilai.

14. Dalam usaha meningkatkan minat dan kemahiran terhadap industri binaan dalam kalangan belia, Kementerian dan CIDB bersama-sama Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran akan menganjurkan *Worldskills Malaysia Belia (WSMB)* 2018 peringkat akhir yang akan berlangsung dari 26 September hingga 1 Oktober 2018. Sebanyak sembilan (9) bidang kemahiran industri pembinaan dipertandingkan dengan 73 peserta berusia bawah 22 tahun mengambil bahagian. Pemenang pingat WSMB 2018 ini berpeluang untuk melayakkan diri bagi mewakili Negara untuk bertanding di *World Skills Competition (WSC)* 2019 Kazan, Rusia dan *ASEAN Skills Competition (ASC)* 2020 di Singapura. Baru-baru ini, Malaysia telah menyertai ASEAN

*Skills Competition (ASC) 2018* di Bangkok, Thailand yang melibatkan 48 peserta Negara dalam 24 bidang kemahiran.

## **PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN**

15. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2018. Pengauditan dilaksanakan dengan pendekatan baharu iaitu berdasarkan risiko. Setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada 3 tahap risiko iaitu Risiko Tinggi, Risiko Rendah dan Risiko Sederhana. Analisis risiko dan impak yang dilakukan terhadap penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada agensi mengenai tahap keseriusan sesuatu penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di agensi serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan.

16. Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 25 Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan mereka telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan.

17. Hasil daripada pengauditan tersebut, **KKR memperoleh markah keseluruhan 83.80% dan berada pada tahap baik. JKR pula memperoleh markah keseluruhan 91.92% dan berada pada tahap cemerlang.** Sekalung tahniah diucapkan kepada semua atas pencapaian ini dan Agensi yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai role model kepada yang lain. Ini boleh meningkatkan lagi tahap motivasi agensi agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.

18. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 25 Kementerian bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **7 Kementerian mencapai tahap cemerlang, 16 Kementerian tahap baik dan 2 Kementerian tahap memuaskan.** Prestasi pengurusan kewangan di 18 Jabatan yang diaudit bagi tahun 2017 menunjukkan 13 Jabatan mencapai tahap cemerlang dan 5 Jabatan pada tahap baik.

19. Kementerian Kerja Raya sentiasa memandang serius terhadap teguran Audit dan mengambil tindakan proaktif dengan menambah baik sistem dan prosedur dalaman agar ketidakpatuhan serta ketidakakuruan peraturan Kerajaan dapat diminimumkan. Oleh itu, bagi memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan, tindakan sewajarnya seperti yang berikut hendaklah diambil:

- i. Memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan melalui latihan dan penilaian secara berterusan dilakukan ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan;

- ii. Memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.
- iii. Berusaha mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan;

### **KEJAYAAN AGENSI KKR**

Hadirin yang dihormati,

20. Baru-baru ini, kita semua menerima perkhabaran gembira apabila JKR Malaysia sekali lagi melakarkan kejayaan dalam pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa iaitu di **2018 INTERNATIONAL INVENTION INNOVATION COMPETITION in CANADA (iCAN 2018)** melalui produk ***Leakage Current Detection Device*** yang telah memenangi anugerah **Gold Medal** di peringkat **Preliminary Round** bagi kategori ***Electricity & Electronics***. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua perekacipta daripada Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Negeri Perak serta urus setia yang terlibat. Diharap semoga usaha yang berterusan ini mendatangkan hasil yang bermanfaat untuk JKR secara keseluruhannya.

21. Pada peringkat kebangsaan pula, JKR Malaysia turut telah melakar kejayaan di pameran ***29th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2018*** yang telah berlangsung pada bulan Mei 2018 yang lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Pada

acara tersebut kesemua empat (4) produk inovasi JKR Malaysia telah diiktiraf Panel Juri Penilai *ITEX* '18 di mana dua (2) produk inovasi telah merangkul Anugerah Pingat Emas manakala dua (2) produk lagi telah memenangi Anugerah Pingat Perak. Selain itu, JKR Malaysia buat julung kalinya telah berjaya memenangi Anugerah Khas bagi Kategori ***Best Green Invention Award*** menerusi produk ***A Mobile Leaves Collector & Shredder Complete With Composter (V-Der)***. Setinggi – tinggi tahniah diucapkan kepada semua kumpulan perekacipta 2018 JKR Malaysia yang telah berjaya mengharumkan nama JKR ke tahap yang begitu membanggakan ini.

## PENUTUP

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

22. Sebagai seorang penjawat awam, kita mesti bekerja lebih keras dan gigih bersama barisan kepimpinan di bawah era gelombang Malaysia Baharu ini. Saya amat berharap agar budaya dan momentum kejayaan dan kecemerlangan yang sedia ada wujud dalam Kementerian ini akan dapat diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sesungguhnya rakyat menilai kesungguhan kita dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan penuh keikhlasan kepada mereka.

23. Akhir kata, jadikan semangat sambutan Bulan Kebangsaan yang diraikan bersempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia baru-baru ini sebagai pendorong sewaktu kita menjalankan amanah tugas, agar negara

yang kita sayangi ini ditadbir urus dengan baik oleh anak-anak Malaysia yang penuh jatidiri, patriotisme, bersih, cekap dan amanah.

Sekian, terima kasih.